

MAJLIS RAMAH MESRA KETUA PUSTAKAWAN BERSAMA STAF

Perpustakaan UMP, 19 Jun 2020 – Majlis Ramah Mesra Ketua Pustakawan bersama staf Perpustakaan UMP telah diadakan pada 19 Jun 2020 bermula jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang bertempat di aras empat Perpustakaan UMP Pekan.

Majlis ini dianjurkan oleh Bahagian pentadbiran Perpustakaan UMP yang diarahkan secara rasmi oleh Ketua Pustakawan UMP telah disampaikan oleh Ketua Pustakawan Azman bin Abdul Rahim sebelum jamuan makan dimulakan.

Majlis ini diadakan bertujuan untuk meraiikan staf sempena tahun sayuwal dan sesi beramah mesra bersama Ketua Pustakawan. Majlis yang dirancang telah berjalan lancar dan semoga jalinan ukhwah ini sentiasa berkekalkan.



KAMPUS GAMBANG



KURSUS ASAS PENGURUSAN PERPUSTAKAAN BAGI MODUL PENGKELASAN DAN PENGKATALOGAN BAHAN



13 Julai 2020 – Bertempat di **Kolej Vokasional Temerloh** telah diadakan Kursus Asas Pengurusan Perpustakaan bagi Modul Pengkelasan dan Pengkatalogan Bahan (DDC). Kursus ini dianjurkan di antara Kolej Vokasional Temerloh dan Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang (UMP). Kursus yang dihadiri seramai 20 orang dan Puan Wan Nurulhuda bin Wan Zakaria, Pustakawan UMP selaku penceramah pada hari tersebut.

Tujuan utama kursus ini adalah memberi maklumat yang jelas berkaitan dengan pengurusan perpustakaan khususnya pengkatalogan bahan bercetak menggunakan Standard Pengkelasan Dewey Decimal (DDC). Ia juga memberi pendedahan secara asas kepada peserta kursus berkaitan dengan pengkatalogan bahan perpustakaan/pusat sumber dengan menggunakan standard pengkelasan Dewey Decimal Classification (DDC).

Ketua Pustakawan Perpustakaan UMP, Encik Azman bin Abdul Rahim dan Encik Anuar bin M Lela selaku Pengarah Kolej Vokasional Temerloh antara jemputan vip yang hadir dalam kursus tersebut. Semoga dengan adanya kursus ini akan memberi idea kepada pustakawan di Kolej Vokasional Temerloh untuk mengkatalog bahan.

SEUNTAI BICARA BERSAMA KETUA PUSTAKAWAN UMP SEMPENA OPERASI PERPUSTAKAAN SECARA ONLINE DALAM MASA PKP COVID-19



Perpustakaan UMP, 7 April 2020 – Seuntai bicara bersama Ketua Pustakawan UMP, Azman bin Abdul Rahim sempena operasi Perpustakaan secara online dalam masa PKP Covid-19.




Pengguna boleh menyelesaikan tesis, penulisan dan tugas dengan mendapatkan bahan di atas talian. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang pertanyaan, persoalan boleh bertanya melalui ruangan **live chat @ portal library** yang disediakan. Perpustakaan ada juga menyediakan **video tutorial** untuk menunjukkan cara perkhidmatan elektronik yang disediakan.

Akhir kata "stay at home" dan terus melayari portal Perpustakaan UMP dan semoga wabak pandemik ini segera berakhir.

PROGRAM JOM BACA BERSAMA 2020 PERINGKAT PERPUSTAKAAN UMP



Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerajaan ketika ini tidak memberi pengalangan kepada kejayaan Program Jom Baca Bersama 2020 yang diadakan serentak di seluruh negara pada 23 April 2020.



Program ini juga merupakan kesinambungan daripada pengumuman Kuala Lumpur sebagai kota buku dunia bagi tahun ini seperti yang diumumkan Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sains Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco), Audrey Azoulay.

Warga Perpustakaan UMP berkesempatan untuk meramaikan sesi tersebut yang berlangsung secara talian menggunakan aplikasi **Cisco Webex Meeting** pada jam 11 pagi yang diketuai oleh Ketua Pustakawan Perpustakaan UMP Encik Azman bin Abdul Rahim.


STAF PERPUSTAKAAN UMP SEBAGAI SUKARELAWAN COVID 19

COVID 19 pertama kali dikesan di Malaysia pada 24 Januari 2020. Apabila berlaku peningkatan kes yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan, satu langkah pencegahan perlu dilakukan bagi membendung jangkitan COVID 19 dan memutuskan rantaian tersebut. Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia pada petang 16 Mac 2020. Tempoh PKP (Fasa 1) bermula pada 18 Mac 2020. Kini telah memasuki Fasa 7 PKPP bermula 1 September sehingga 31 Disember 2020.

Universiti Malaysia Pahang (UMP) turut terkesan dengan arahan tersebut dan langkah-langkah pencegahan terus dilaksanakan serta merenta. Arahan bekerja dari rumah telah dikeluarkan pada 16 Mac 2020 kepada semua warga kerja UMP. Berikutan arahan tersebut, staf Perpustakaan juga menukar cara kerja sedia ada kepada bekerja dari rumah (BDR) sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.



Selain bekerja dari rumah, dua orang staf Perpustakaan turut terlibat sebagai sukarelawan COVID 19. Sukarelawan tersebut adalah Pn. Noorul Farina Arifin dan Cik Ratna Wilis Haryati dari Unit Pengurusan Ilmu. Tugas sebagai sukarelawan juga dilaksanakan samada selepas waktu bekerja atau mengikut masa yang telah ditetapkan oleh penyaliran kumpulan tersebut.



Pelaksanaan simpati terhadap frontliners yang terpaksa menahkod sendiri kelengkapan PPE di siarkan di dada akhir dan facebook mendorong Pn. Noorul Farina melibatkan diri sebagai sukarelawan pada 2 April 2020. Projek Amal Covid-19 Kuantan dengan usahasama Persatuan Pengakap Udara Pahang telah mengumpulkan sukarelawan sekitar Kuantan bagi membantu menahkod kelengkapan PPE bagi keperluan petugas barisan hadapan di hospital seluruh Pahang.

Ahli pengakap mengahkod bahan yang telah siap digotong kepada semua sukarelawan. Sebanyak 20 pasang gaun pengasingan (isolation gown) telah diterima dan dijahit oleh beliau mengikut masa yang telah ditetapkan. Beliau juga turut mengahkod sukarelawan di kumpulan amal yang lain iaitu dari staf UMP Services Sdn. Bhd (US3B). 68 pasang pelindung kaki (foot cover) telah berjaya dijahit dan dibantu oleh suami beliau.


Cik Ratna Wilis Haryati adalah seorang sukarelawan bagi kumpulan C19 Troopers Group – Crisis Communication yang diketendalikan di bawah Malaysian Health Coalition. Ia adalah salah satu kumpulan yang ditugaskan bagi menyampaikan dan menyebarkan maklumat mengenai COVID 19 kepada masyarakat umum melalui segala bentuk media sosial yang ada. Kumpulan ini juga perlu membendung berita-berita palsu mengenai COVID 19 yang cuba disebarkan oleh kumpulan yang tidak bertanggungjawab.

Seorang sukarelawan C19 Troopers ini turut menungku arahan dari penyaliran agar segala maklumat yang disampaikan adalah sama serta mengikut jadual, tempoh dan kluster yang telah ditetapkan. Pengalaman menjadi sukarelawan ini juga memberi impak yang baik kepada beliau sebagai seorang rakyat Malaysia. Kumpulannya yang terdiri dari pelbagai bangsa, dari pelbagai negeri membuka peluang untuk berkongsi ide, maklumbalas dan reaksi masyarakat mengenai isu-isu yang perlu ditangani. Maklumat mengenai kumpulan sukarelawan ini boleh didapati di <https://myhealthcoalition.org/covid-19-crisis-communications-team/>

Sukarelawan COVID 19 adalah bantuan dari belakang dilaksanakan atas dasar tanggungjawab kepada negara dan salah satu usaha membantu barisan hadapan memerangi COVID 19. Pengalaman yang amat berharga ini memberi peluang kepada Puan Noorul Farina dan Cik Ratna Wilis Haryati menyumbang amal kebajikan yang sedikit ini kepada negara dalam membantu barisan hadapan memutuskan rantaian pandemik Covid-19.

Oleh Ratna Wilis & Noorul Farina

ONLINE TRAINING - USER EDUCATION ON MENDELEY MODULE




6 Julai 2020 - Kelas sokongan penyelidik untuk latihan **Mendeleley Module** telah diketendalikan oleh pustakawan dari Bahagian Pendidikan & Penyelidikan iaitu Puan Affida Abu Bakar untuk sesi pertama dan En.Muhammed Fawwaz Rasid untuk sesi kedua.

Objektif latihan ini adalah untuk membantu pelajar memahami cara menggunakan Mendeleley semasa mereka menulis tugasan atau kertas projek tahun akhir.

Dalam menyokong pelajar melalui masa yang sukar, latihan ini juga diadakan melalui aplikasi Zoom. Jumlah peserta menyertai latihan ini sekitar 85 orang pelajar. Semua pelajar sudah membuat akaun dan memasang **Desktop Mendeleley**, jadi kami terus mengajar mereka cara menambahkan dokumen ke **Desktop Mendeleley** dan melakukan kutipan bahan dengan pelbagai gaya seperti **APA, MLA dan IEEE**.

Mereka sangat proaktif dalam mencari dan mengambil bahagian dalam latihan. Diharapkan semua peserta mendapat maklumat dan pengetahuan yang berkesan setelah mengikuti latihan ini.

USER EDUCATION PROGRAMME: OPTIMIZING SPRINGERLINK FOR YOUR RESEARCH & STUDIES ONLINE TRAINING



8 Julai 2020 - Perpustakaan UMP dan **Springer Nature** telah bersama-sama mengadakan latihan dalam talian melalui aplikasi **GoToMeeting**. Latihan dalam talian **SpringerLink** diketendalikan oleh Mr Kent Yeap Hong, Pengurus Perlesenan Springer Nature.

Sepanjang latihan, peserta dapat memahami kaedah carian yang mudah atau menggunakan operator **Boolean** untuk carian yang lebih cepat dan tepat dalam pangkalan data. Kemahiran mencari dengan alat yang betul penting bagi pelajar terutamanya dengan norma baru dalam latihan.

Sesi soal jawab yang dilakukan pada akhir latihan menunjukkan bahawa para peserta mengetahui pentingnya sumber maklumat yang kukuh dan boleh dipercayai. Mempunyai pangkalan data **SpringerLink** yang dapat diakses untuk penyelidikan dan rujukan tentunya memberi manfaat kepada semua.

USER EDUCATION PROGRAMME: SAE MOBILUS ONLINE TRAINING



22 Julai 2020 - Latihan dalam talian untuk **SAE Mobilus (SAE Scholarly Journal)** telah diadakan melalui **Aplikasi Microsoft Teams**. Latihan dijalankan oleh Cik Shitong Xing dari SAE.

Objektif latihan adalah untuk membantu pelajar dan penyelidik memahami dan meneroka **SAE Mobilus**. **SAE Mobilus** adalah reka bentuk aplikasi untuk membantu pengguna dengan penulisan dan penyelidikan akademik mereka. Sebilangan kandungan latihan termasuk:

1. SAE Antarabangsa
 - SAE sebagai Masyarakat
 - Perkhidmatan SAE
 - Jawatankuasa Standard SAE

2. SAE Mobilus
 - Platform SAE di Mobilus

Latihan ini disertai oleh 36 peserta yang terdiri daripada akademik, pelajar sarjana dan pascasiswazah. Diharapkan latihan ini dapat meningkatkan penggunaan **SAE Mobilus** dan pada masa yang sama dapat membantu pengguna meningkatkan kualiti penulisan akademik mereka.

USER EDUCATION PROGRAMME: TURN IT IN MODULE (STUDENT GUIDE) SESSION 1 & 2



9 Jun 2020 - Seramai 61 orang peserta telah menyertai sesi 1 bagi dalam talian kelas melalui **Google Meet** yang bermula pada 09.00 pagi hingga 11.00 pagi dan seramai 64 orang peserta telah menyertai sesi 2 bagi dalam talian kelas melalui google meet yang bermula pada 2.30 petang hingga 4.30 petang. Kelas yang diadakan adalah anjuran Seksyen Penyelidikan dan Pendidikan (SEDAR), Perpustakaan UMP, la memberi pendedahan kepada pelajar tentang penggunaan **Turnitin** disamping mengajar pelajar berkenaan dengan tetapan penggunaan **Turnitin**.

Penceramah bagi kelas online tersebut ialah Puan Affida binti Abu Bakar yang turut membantu pengguna untuk muat turun **Similarity Report**. Disamping itu juga penceramah menerangkan cara permohonan memadamkan artikel dalam pangkalandata **Turnitin**. Semoga dengan ada kelas dalam talian ini dapat membantu para pengguna dalam penggunaan **Turnitin**.

USER EDUCATION PROGRAMME: TURNITIN MODULE (STUDENT GUIDE) SESSION 3, 4, 5 & 6

10 Jun 2020

Seramai 40 orang peserta telah menyertai sesi 3 pada 09.30 pagi hingga 11.00 pagi.

Seramai 124 orang peserta telah menyertai sesi 4 pada 2.30 petang hingga 4.30 petang.

Seramai 157 orang peserta telah menyertai sesi 5 pada 10.30 pagi hingga 12.30 tengahari.

Seramai 135 orang peserta telah menyertai sesi 6 pada 2.30 petang hingga 4.30 petang tengahari.

Penceramah bagi kelas dalam talian tersebut ialah
 Encik Muhammad Fawwaz bin Abdul Rasid
 Cik Sharifah Nazirah binti Syed Omar



ONLINE TRAINING WEBINAR

SELAMAT HARI PUSTAKAWAN MALAYSIA

#TetapRelevan #StayingRelevant
 6 Jun 2020

Universiti Malaysia PAHANG
 umplibrary
 #StayHome #StayConnected #KeepReading

Perpustakaan Universiti Malaysia Pahang
 76600 Pekan
 Pahang Darul Makmur.
 Tel: +609 938 3131 (M) / +609 428 9090 (P)
 Fax: +609 938 3132 (M) / +609 428 9666 (P)
 umplibrary@ump.edu.my

umplibrary
 https://umplibrary.ump.edu.my
 #PowerUpYourMind@UMPLIB

